

23 JUL 2003

Mahathir-Iraq

M'SIA DAN PERANCIS SETUJU ISU IRAQ TIDAK MUDAH DITANGANI

PUTRAJAYA, 23 Julai (Bernama) -- Malaysia dan Perancis bersetuju masalah di Iraq bukan mudah untuk ditangani dan negara yang dilanda perang itu pasti menghadapi masa depan yang sukar.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata tindakan Amerika Syarikat menyerang Iraq yang kaya dengan minyak itu pada Mac lepas untuk menggulingkan rejim Saddam Hussein, tidak wajar walaupun sebelum dan selepas serangan itu.

Perdana Menteri berkata demikian dalam satu persidangan berita bersama Presiden Perancis Jacques Chirac, yang mengadakan lawatan singkat enam jam ke Malaysia petang ini, di kediaman rasmi Perdana Menteri di Seri Perdana di sini.

"Saya tidak tahu mengenai pendirian bersama (mengenai Iraq oleh kedua-dua negara) tetapi kami percaya yang keadaan di Iraq bukan mudah untuk ditangani dan Iraq akan melalui tempoh yang sukar dan apa yang dilakukan terhadap Iraq adalah tidak betul semasa dan selepas perang," kata Dr Mahathir.

Kepada ini Chirac yang ditanya soalan yang sama berkata: "Saya bersetuju sepenuhnya pandangan Perdana Menteri. Saya tidak akan katakan apa-apa lagi ... Saya mempunyai pandangan yang sama, semasa dan selepas perang."

Mengenai Myanmar, Dr Mahathir berkata masyarakat antarabangsa mungkin masih boleh mendapatkan respons daripada pihak tentera yang memerintah negara itu mengenai pembebasan pemimpin pro-demokrasi Aung San Suu Kyi.

"Kita mungkin masih boleh mendapat satu respons daripada Myanmar tetapi apa sahaja yang kita buat kita tidak boleh memikirkkan untuk menceroboh Myanmar dalam usaha menukar rejim," katanya.

Chirac bersetuju dengan pendirian Dr Mahathir tetapi berkata lanjut yang kerajaan Perancis tidak setuju dengan pendirian kerajaan tentera Myanmar menahan Suu Kyi.

"Saya tidak bersetuju dengan sikap kerajaan tentera Myanmar dan saya memilih demokrasi di Burma (Myanmar) dan itu bermakna membebaskan Aung San Suu Kyi dan lawan-lawan politik lain," kata Chirac lagi.

Mengenai satu lagi hal Dr Mahathir berkata lawatan singkat Chirac adalah kerana pemimpin Perancis itu terpaksa membatalkan lawatan rasmi yang diatur pada Februari lepas ekoran perkembangan di Asia Barat.

"Beliau melakukannya kerana sepatutnya beliau datang ke sini pada Februari dalam rangka lawatan rasmi tetapi oleh kerana perkembangan di Asia Barat beliau tidak dapat datang.

"Beliau (Chirac) berkata memandangkan beliau mungkin hanya dapat mengadakan lawatan rasmi ke negara ini pada tahun depan jadi beliau memutuskan untuk mengadakan lawatan singkat ke Malaysia semasa saya masih memegang jawatan Perdana Menteri. Itu sesuatu yang baik..." kata Dr Mahathir.

Beliau berkata dalam pertemuan bersama Chirac pada petang ini, kedua-dua mereka berbincang mengenai isu-isu dua hala dan antarabangsa dan "kita mencapai persetujuan dalam banyak perkara."

-- BERNAMA

MAM SR PR